

Program timbal balas MRT RM1b

PKS diberi peluang raih manfaat fasa pertama projek di Lembah Klang

Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bharian.com.my

CHE RANI CHE DIN | BERITA HARIAN

SYARIKAT perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khususnya yang terbabit dalam industri logistik dan infrastruktur bakal meraih peluang daripada program timbal balas bernilai kira-kira RM1 bilion di bawah pelaksanaan fasa pertama Projek My Rapid Transit (MRT) di Lembah Klang.

Program berkenaan yang dikendalikan Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) dan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), bertujuan meningkatkan penyertaan syarikat tempatan berasaskan teknologi dalam projek MRT Sungai Buloh-Kajang bernilai RM20 bilion itu.

Presiden dan Ketua Eksekutif MIGHT, Mohd Yusoff Sulaiman, berkata program timbal balas yang diperkenalkan itu akan memanfaatkan syarikat PKS dalam tiga aspek utama iaitu menerusi pemindahan teknologi, kandungan tempatan serta akses kepada pasaran.

Katanya, ia menyediakan platform kepada pengeluar kelengkapan tulen (OEM) serta kontraktor utama untuk melaksanakan kerjasama dengan syarikat tempatan berpotensi dalam projek MRT itu.

“Nilai projek timbal balas bagi setiap projek MRT adalah kira-kira lima peratus daripada nilai projek. Pada masa ini, MIGHT mengenal pasti sembilan projek timbal balas untuk sektor PKS di bawah fasa pertama projek MRT ini.

“Menerusi fasa pertama projek MRT, terdapat 30 hingga 40 projek timbal balas yang akan diberikan



MOHD YUSOFF (kiri) dan Mohamed Al Amin pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

kepada syarikat PKS. Bagi setiap projek, kita mungkin melihat lebih daripada satu penyertaan syarikat yang dikenal pasti bagi bekerjasama dengan syarikat OEM dan kontraktor bagi projek infrastruktur terbesar negara itu,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas taklimat Peluang Perniagaan: Program Timbal Balas MRT dan sesi padanan perniagaan dianjurkan dengan kerjasama MRT Corp dan SME Corporation di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pengerusi SME Corp, Datuk Ir Dr Mohamed Al Amin Abdul Majid dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Hafsa Hashim dan Pengarah Perhubungan Pemegang Saham MRT Corp, Haris Fadzilah Hassan.

Pada program itu, SME Corp me-

ngadakan 55 sesi padanan perniagaan bagi membantu membuka akses pasaran kepada syarikat PKS.

Agensi itu turut berperanan memilih mana-mana syarikat PKS yang layak, berkeupayaan dan berpotensi menyertai pelaksanaan projek mega berkenaan.

Mohd Yusoff berkata, MIGHT yang bertindak sebagai unit penguurusan timbal balas bagi MRT Corp akan berperanan merancang, melaksanakan dan memantau pelaksanaan program berkenaan.

Antara bidang yang membabitkan sumbangan daripada PKS termasuk pengeluaran kereta api elektrik, isyarat dan sistem kawalan kereta api, bekalan kuasa, sistem pengedaran serta kerja landasan.

“Program timbal balas ini akan membantu sektor PKS meningkat-

kan keupayaan dan daya saing mereka,” katanya sambil memberitahu ketika ini terdapat lebih 200 syarikat yang terbabit dalam industri logistik dan infrastruktur.

Projek MRT akan dilaksanakan dalam tiga fasa yang mana fasa pertama membabitkan pembinaan landasan 51 kilometer dari Sungai Buloh-Kajang (2010-2015) yang membabitkan lebih 80 pakej kerja.

Sementara itu, Hafsa berkata, SME Corp akan memilih syarikat PKS berdasarkan keupayaan, dengan keutamaan penarafan sekurang-kurangnya tiga bintang di bawah program Penambahbaikan Penarafan Kompetitif PKS (SCORE) dan yang diberikan status Pensijilan 1-Inovatif Bagi Penarafan Perusahaan dan Transformasi (1-InnoCERT) oleh agensi itu.